

SYARAT-SYARAT & PERATURAN Pertandingan

Pertandingan “PERTANDINGAN SMS PANTUN 1 MALAYSIA” [“**Pertandingan**”] dianjurkan oleh Persatuan Pembekal Kandungan Mudah Alih Malaysia atau Malaysian Mobile Content Providers Association (MMCP).

1. Tempoh

- 1.1. Pertandingan ini bermula dari 12:00 tengahari pada 31 Mac 2010 sehingga 11:59 malam pada 30 April 2010 waktu Malaysia [“**Tempoh Pertandingan**”] atau sebarang tempoh yang akan dimaklumkan oleh pihak penganjur.
- 1.2. Pihak penganjur berhak melanjutkan Tempoh Pertandingan ini pada bila-bila masa tanpa sebarang notis awal [“**Tempoh Lanjutan**”]. Jika tiada Tempoh Lanjutan diumumkan, sebarang penyertaan yang diterima selepas 11:59 malam pada 30 April 2010 (disebabkan apa jua alasan yang berbangkit) adalah terbatal. Sebarang penyertaan di dalam Pertandingan semasa Tempoh Lanjutan (sekiranya ada) adalah tertakluk kepada terma dan syarat [“**Terma dan Syarat**”] yang telah dikuatkuasakan.

2. Kelayakan

- 2.1. Pertandingan ini terbuka kepada pelanggan pra bayar dan pasca-bayar bagi talian telefon bimbit 010, 012, 013, 014, 016, 017 & 019 yang disediakan oleh pengendali rangkaian yang memberikan perkhidmatan Sistem Pesanan Ringkas [“**SMS**”] di Malaysia sahaja [selepas ini kumpulan ini dirujuk sebagai “**Peserta**”].
- 2.2. Kumpulan yang tidak layak untuk menyertai Pertandingan ini:
 - a. Pekerja bagi Pihak Penganjur [termasuk anak syarikat dan syarikat berkaitan] dan ahli keluarga [anak, ibu bapa, abang dan kakak, termasuk suami dan isteri]; dan/atau
 - b. Wakil, pekerja, orang gaji dan/atau ejen pengiklanan dan/atau promosi kepada pihak Penganjur [termasuk anak syarikat dan syarikat berkaitan], dan ahli keluarga [anak, ibu bapa, abang dan kakak, termasuk suami dan isteri].
- 2.3. Peserta hendaklah berstatus warganegara atau permastautin tetap di Malaysia berumur melebihi lapan belas (18) tahun dengan Nombor Kad Pengenalan [“**Nombor NRIC**”] yang sah (12-digit) dalam tempoh penyertaan Pertandingan. Peserta hanya dibenarkan untuk menyertai Pertandingan melalui penggunaan telefon bimbit sahaja.

3. Mekanik Pertandingan & Kriteria Kelayakan

- 3.1. Peserta dikehendaki menghantar SMS daripada nombor telefon bimbit tempatan yang telah didaftarkan sahaja.
- 3.2. Untuk memasuki Pertandingan melalui SMS, Peserta mesti hantar penyertaan dengan taip PANTUN<*jarak*>PANTUN 4 KERAT dan hantar ke 15888 semasa Tempoh Pertandingan atau Tempoh Lanjutan, sekiranya dikuatkuasakan.

Contoh: PANTUN Kalau Ingin Menebang Jati, Biar Elok Bawa ke Pekan, Satu Malaysia Bersatu Hati, Rakyat Didahulukan - Pencapaian Diutamakan

- 3.3. Peserta akan mendapat mesej mengesahkan penerimaan. Contoh: RM0.20. Terima kasih di atas penyertaan anda. Untuk terma & syarat lawati www.mmcp.org.my. Tarikh tutup: 30 April 2010.
- 3.4. Caj RM0.15 akan dikenakan bagi setiap SMS yang dihantar dan RM0.20 akan dikenakan bagi setiap SMS balas yang diterima.
- 3.5. Setiap Peserta dikenalpasti melalui Nombor NRIC yang dihantar melalui SMS.
- 3.6. Peserta boleh menghantar seberapa banyak SMS yang boleh semasa Tempoh Pertandingan.
- 3.7. Hanya pantun Bahasa Malaysia sahaja yang dibenarkan dalam Pertandingan ini
- 3.8. Pihak Penganjur tidak bertanggungjawab bagi SMS yang tidak diterima (iaitu ketidaksampaian atau rosak) dan mesej ini dianggap TIDAK SAH; tanpa mengira sebarang kemungkinan. Bukti penghantaran SMS tidak boleh dijadikan bukti penerimaan mesej.
- 3.9. Tiada satu pun pihak (pengendali rangkaian, pihak penganjur) dan pihak lain yang terlibat dalam SMS ini boleh dipertanggungjawabkan atas segala kelewatan dan/atau gangguan yang timbul bagi SMS yang dihantar dan pihak yang telah disebutkan tadi juga tidak bertanggungjawab atas penyalahgunaan telefon bimbit atau akaun pengguna berhubung dengan Pertandingan ini.
- 3.10. Peserta akan diadili berdasarkan pantun yang kreatif dan bertemakan 1 Malaysia yang dihantar berserta Nombor NRIC ["**Pemenang**"].
- 3.11. Pihak Penganjur berhak untuk membatalkan sebarang pendaftaran atau/dan penyertaan secara mutlak tanpa perlu memberikan apa juga alasan.
- 3.12. Semasa Tempoh Pertandingan, Peserta akan dimaklumkan bagi penyertaan dalam Pertandingan melalui pelbagai medium publisiti termasuklah poster, hanging mobile, wobbler, banner dan iklan di akhbar.

4. Pemberitahuan Pemenang Pertandingan

- 4.1. Semua Pemenang Pertandingan akan diumumkan di www.mmcp.org.my dan juga melalui SMS atau panggilan telefon kepada nombor pemilik telefon bimbit DUA (2) bulan selepas tempoh Pertandingan tamat. Nombor telefon tersebut mestilah yang telah digunakan oleh Peserta untuk menghantar penyertaan Pertandingan. Pihak Penganjur mempunyai hak mutlak untuk menggunakan kaedah dan medium lain bagi tujuan pengumuman Pemenang Pertandingan.
- 4.2. Pihak Penganjur tidak bertanggungjawab jika Pemenang gagal dihubungi untuk apa juga sebab selepas sekurang-kurangnya TIGA (3) kali percubaan dan/atau hari.

- 4.3. Bukti surat menyurat, faksimili, atau penghantaran (dalam pelbagai bentuk) sebarang butiran kepada pihak penganjur tidak boleh membuktikan Pihak Penganjur telah menerima butiran tersebut.
- 4.4. Pihak Penganjur berhak untuk membatalkan hadiah bagi sebarang Pemenang Pertandingan yang tidak memberikan butiran yang diperlukan ketika menerima makluman/pemberitahuan.
- 4.5. Pihak penganjur berhak melantik pihak ketiga untuk membuat pengesahan Pemenang Pertandingan dan penghantaran hadiah dan Peserta bersetuju Pihak Penganjur akan memberikan semua maklumat yang diperlukan bagi Pemenang Pertandingan kepada orang ketiga untuk menjalankan perkhidmatan tersebut.

5. Liabiliti & Tanggungjawab

- 5.1. Peserta dan pemenang hendaklah menanggung liabiliti dan tanggungjawab sepenuhnya terhadap sebarang liabiliti, kecelakaan, kecederaan, kerosakan, tuntutan atau kemalangan [termasuk kematian] akibat penglibatan mereka dalam Pertandingan ini, termasuk penebusan dan/atau penggunaan hadiah dan bersetuju Pihak Penganjur dan penaja bersama bebas dan tidak tertakluk kepada sebarang liabiliti.
- 5.2. Semua kos pengangkutan, penginapan, persendirian dan/atau lain-lain kos, yuran dan/atau perbelanjaan berkaitan yang termasuk bagi menyertai Pertandingan ini dan menebus hadiah adalah tanggungjawab Peserta/Pemenang.
- 5.3. Pihak Penganjur tidak bertanggungjawab atas kelewatan dan/atau kegagalan menerima SMS penyertaan akibat kegagalan rangkaian talian pengendali atau ISP dan/atau ketidakupayaan untuk memenuhi masa dan/atau perkhidmatan SMS dengan efisien. Bukti menunjukkan SMS telah dihantar tidak akan dilayan.

6. Hak Pihak Penganjur

- 6.1. Pihak Penganjur berhak untuk menggunakan nama dan/atau gambar Pemenang bagi tujuan pengiklanan, urusan niaga dan/atau publisiti, tanpa perlu memberikan notis kepada Pemenang terlebih dahulu dan Pemenang tidak berhak menuntut gantirugi hakmilik bagi tujuan tersebut.
- 6.2. Dengan menyertai Pertandingan ini, para Peserta adalah bersetuju dan tertakluk kepada segala terma & syarat dan keputusan Penganjur dan/atau hakim. Para Peserta dengan ini bersetuju dan memberikan hak kepada Penganjur untuk memberikan butir-butir mereka kepada penyedia perkhidmatan pihak ketiga dan/atau rakan yang diiktiraf Penganjur bagi tujuan Pertandingan dan/atau kajiselidik pelanggan dalam memahami tabiat membeli Peserta.

7. Terma & Syarat

- 7.1. Keputusan pihak Penganjur dalam semua perkara berkaitan dengan Pertandingan adalah muktamad dan terikat serta segala surat-menyurat dan cubaan untuk mempertikaikan keputusan tidak akan dilayan.
- 7.2. Pihak Penganjur berhak untuk menukar, meminda, membatalkan atau menambah Syarat-syarat & Peraturan Pertandingan tanpa sebarang notis pada bila-bila masa dan Peserta mestilah akur dan terikat dengan perubahan sedemikian.

8. Hadiah

- 8.1. Hadiah yang akan diberikan di dalam Pertandingan ini adalah seperti berikut:-
 - a. Hadiah Utama (x1) – iPhone 3GS 32GB
 - b. Hadiah Pertama (x1) – Blackberry Bold
 - c. Hadiah Ke-2 (x1) – Nokia X6
 - d. Hadiah Ke-3 (x1) – Samsung Corby PRO
 - e. Hadiah Misteri Saguhati (x5)
- 8.2. Setiap peserta hanya layak untuk menang satu (1) hadiah bagi keseluruhan Pertandingan.
- 8.3. Pihak Penganjur berhak untuk menggantikan mana-mana hadiah dengan barangan yang sama nilainya pada bila-bila masa tanpa sebarang notis dan semua hadiah tidak boleh ditukar kepada wang tunai dan tiada rundingan.
- 8.4. Bagi mengelakkan keraguan, Hadiah adalah tidak termasuk sebarang aksesori atau alat yang akan dipamerkan bagi tujuan ilustrasi dalam sebarang poster panel, poster gantung, wobblers atau alat bantuan promosi yang lain.
- 8.5. Pemenang Pertandingan bertanggungjawab atas semua kos berkaitan penambahbaikan hadiah yang diberikan, termasuk kos guaman, duti setem, pendaftaran dan yuran pindahan, cukai, insurans, wang perbelanjaan dan perbelanjaan berkaitan (seperti makanan atau perbelanjaan persendirian, menaik taraf dsb) atau yuran.
- 8.6. Pihak Penganjur tidak memberi jaminan atau mewakili apa juga yang berkaitan dengan hadiah dan tidak bertanggungjawab atau menanggung sebarang masalah dan/atau kerosakan padanya atau berpunca daripadanya.
- 8.7. Hadiah hendaklah dituntut sendiri kecuali dinasihatkan sebaliknya. Pengenal diri termasuk NRIC/lesen memandu/pasport yang menunjukkan gambar Pemenang Pertandingan adalah perlu. Sekiranya Penganjur memilih untuk pos/kurier hadiah kepada Pemenang Pertandingan, tiada tanggungjawab akan diterima oleh Penganjur atas keselamatan dan keberkesanan hadiah yang dihantar melalui pos.
- 8.8. Dalam situasi istimewa, dan tertakluk kepada kuasa mutlak Penganjur, Pemenang Pertandingan dibenarkan menamakan wakil untuk mengambil hadiah. Wakil tersebut dikehendaki untuk hadir bersama surat kebenaran daripada Pemenang Pertandingan dan fotokopi NRIC Pemenang Pertandingan (depan & belakang).
- 8.9. Dalam situasi Pemenang Pertandingan memilih untuk tidak menerima hadiah, mereka terbatal atas sebarang dan semua tuntutan hadiah tersebut, di mana tertakluk kepada kuasa mutlak pihak penganjur.
- 8.10. Semua hadiah yang diterima keseluruhannya adalah atas risiko Pemenang Pertandingan, dan Penganjur tidak tertakluk kepada semua jaminan berkaitan dengan sebarang hadiah sehingga tahap yang dibenarkan oleh undang-undang. Pemenang Pertandingan harus mematuhi terma dan syarat hadiah tersebut.
- 8.11. Semua hadiah hendaklah dituntut dalam tempoh tiga puluh (30) hari daripada tarikh pengumuman [“Tempoh Tuntutan”]. Pemenang bertanggungjawab atas tuntutan hadiah tersebut dan Penganjur tidak tertakluk untuk memberikan notis lanjutan bagi tuntutan hadiah. Hadiah yang tidak dituntut dalam Tempoh Tuntutan akan dibatalkan oleh penganjur. Ejen, penaja dan wakil tiada liabiliti kepada Pemenang dalam apa jua keadaan.

9. Majlis Penyampaian Hadiah

- 9.1. Sekiranya Penganjur menganjurkan Majlis Penyampaian Hadiah, Para Pemenang Pertandingan dikehendaki menghadiri atas kos dan perbelanjaan sendiri untuk menuntut hadiah tersebut. Sekiranya Pemenang Pertandingan tidak dapat menghadiri majlis penyampaian hadiah, Pemenang Pertandingan mesti menamakan wakil untuk hadir dalam majlis penyampaian hadiah tersebut untuk menerima hadiah bagi pihaknya dan jika sebaliknya pihak penganjur akan membuat pemilihan semula pemenang.

Sila hubungi nombor Helpline di 603-5569 2840 , Isnin hingga Jumaat, 10:00 pagi hingga 5:00 petang.